

**Pembinaan Jalan Baharu Kota Kinabalu-Ranau Dimasukkan Dalam Aku Janji
Manifesto BN - Najib
Bernama
24 April, 2013**

RANAU, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri berkata projek pembinaan jalan raya baharu sejauh 82 kilometer dari Kota Kinabalu ke Ranau akan dimasukkan dalam Aku Janji manifesto Barisan Nasional (BN) negeri Sabah, sekali gus membuktikan kesungguhan kerajaan BN membela nasib rakyat terutama di kawasan luar bandar.

Ketika mengumumkan perkara itu, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau teruja melihat sokongan rakyat di Ranau yang hebat dan luar biasa.

Berucap pada majlis bersama rakyat di Dewan Masyarakat Ranau di sini Rabu, Najib yang juga Pengerusi BN berkata berdasarkan sokongan rakyat terhadap lawatannya ke Sabah, ia meyakinkan beliau bahawa rakyat Sabah memberi sokongan padu kepada BN.

Najib juga berkata tidak ada keperluan untuk menukar kerajaan Sabah di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

"Kalau pembangkang kata bahawa mereka nak tawan Sabah, saya tahu dalam pilihan raya semua orang politik akan cuba memberi gambaran bahawa dia boleh menang dan berjaya.

"Tapi kalau nak cakap Sabah akan jatuh ke tangan pembangkang dia mesti ada petanda-petanda, ada isyarat-isyarat yang mana barangkali kalau saya pergi ke mana-mana, orang tak ramai datang, kalau saya salam, orang tidak berapa minat salam dengan saya. Mungkin kalau kita cakap Tatap BN tiada orang sambut.

"Sebaliknya di mana-mana saya pergi, orang datang ramai.. nak salam pun hebat sampai ada yang tak nak lepas tangan dan apabila kita laungkan Tatap BN, ia diikuti ribuan orang," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Musa, calon BN Parlimen Ranau Datuk Dr Ewon Ebin, calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Karanaan Datuk Masidi Manjun, DUN Paginatan Datuk Sirigan Gubat dan Calon DUN Kundasang Datuk Dr Joachim Gunsalam.

Najib turut mengajak rakyat Sabah khususnya di Ranau supaya berdiri teguh di belakang BN yang telah membuktikan keupayaannya memerintah negara ini dengan baik dan kukuh.

Katanya, sejak mengambil alih tampuk pemerintahan negara empat tahun lepas, beliau telah berusaha sedaya upaya untuk mentransformasikan negara ini yang melalui beberapa peringkat termasuk peringkat perancangan, pelaksanaan dan kejayaan.

Katanya Sabah turut mengikut langkah beliau dalam membela nasib rakyat seperti yang terserlah dalam kad laporan pencapaian negeri.

"Orang Ranau dan rakyat negeri ini secara keseluruhannya boleh membaca "Report Card" itu dan menilai kejayaan kerajaan BN peringkat negeri dan rakyat juga boleh menilai laporan saya.

"Saya mahu rakyat menilai kerajaan BN atas merit, saya tidak mahu rakyat sokong BN sebab kita semua sokong BN, saya tidak mahu semua sokong BN dengan membuta tuli.

Saya mahu rakyat sokong BN kerana berdasarkan merit, kita lah parti terbaik untuk memimpin Sabah dan Malaysia," katanya.

Najib berkata, pembangkang tidak berani berkata mengenai "merit" sebaliknya pembangkang menyebarkan banyak pembohongan dan cuba mengelirukan pemikiran rakyat.

"Dia kalau dia (pembangkang) cakap manis pun ada racun, sebab itu lah mereka cuba mengelirukan rakyat Sabah dan rakyat Malaysia. Kita perkenalkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), tetapi mereka nak hapuskan BR1M.

"Dalam Aku Janji kita, kita tambah lagi BR1M. Mereka kata nak kurangkan harga minyak tapi kalau harga minyak kurang, kita kena tambah subsidi banyak. Subsidi sudah RM23 bilion setahun. Bila kita kurangkan harga minyak, orang kaya, pelancong untung, tapi kalau bagi BR1M ramai yang untung sebab BR1M," katanya.

Beliau berkata, kerajaan memperkasakan rakyat dan menolong rakyat, di samping memberi nilai kepada rakyat.

"Ekonomi negara kita pun berkembang, kalau bagi BR1M pasar tani di Ranau pun berkembang, orang jual sayur pun untung dan ekonomi kita berkembang sebab permintaan domestik meningkat," katanya.

Mengenai pilihan raya akan datang, Najib berkata BN perlu mandat yang kuat bagi menjadikan negara ini stabil.

"Kalau kita stabil, kita akan bahagia. Ini sebab Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) penting bukan soal BN atau pakatan pembangkang tetapi sama ada dasar transformasi nasional dan wawasan negara akan menjadi kenyataan dan realiti atau sebaliknya.

"Inilah soal utama yang ada di depan kita... jangan pandang soal personaliti dan soal calon adalah soal kedua. Apa yang penting kita perlu kerajaan yang kuat. Bila kerajaan kuat, Insya-Allah kita akan mencapai status negara maju berpendapatan tinggi dan pastikan mandat yang kuat kepada BN," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944836>